

# Peranan LEADECCK dalam Membantu Pembangunan Sahsiah Mahasiswa: Suatu Pengalaman di Kolej Tuanku Canselor (KTC), UTM

Muhammad Ridwanto bin Syaful Anwar  
Pengarah LEADECCK  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Skudai, Johor

Yahya bin Buntat  
Pengetua Kolej Tuanku Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia,  
81310 Skudai, Johor  
Yahya592002@yahoo.com

**Abstrak:** Individu yang tidak mempunyai kemahiran menjadi ketua atau pemimpin tidak dapat meningkat tinggi dalam tangga kerjayanya kelak. Oleh itu kemahiran dan pengalaman menjadi ketua dan pemimpin dapat membantu seseorang itu memajukan dirinya. Kertas kerja ini ditulis untuk menarik perhatian terhadap peranan kolej melalui LEADECCK membantu pembangunan sahsiah mahasiswa dalam membina sifat kepimpinan yang cemerlang, gemilang dan terbilang. Harus diingat kolej bukan saja berperanan sebagai tempat tinggal bagi mahasiswa tetapi juga berperanan besar dalam pembentukan sendiri khususnya dari segi mental, rohani dan jasmani. Rumusan dan hasil akhir kertas kerja ini akan menunjukkan beberapa pengalaman dan kejayaan KTC dalam membina barisan kepimpinan yang mampan serta boleh dibanggakan sejajar dengan hasrat Falsafah Pendidikan Negara.

**Katakunci:** Kepimpinan Pelajar, Pembangunan Sahsiah.

## 1.0 Pengenalan

Setiap manusia yang dilahirkan ke dunia ini telah dipertanggungjawabkan oleh Allah SWT untuk menjadi seorang khalifah atau pemimpin. Walaupun begitu, setiap manusia perlu dididik dan diterapkan dengan ilmu-ilmu kepimpinan agar manusia ini akan menjadi seorang pemimpin yang berwibawa dan berdedikasi kerana setiap manusia sekurang-kurangnya akan menjadi pemimpin kepada dirinya sendiri. Fantini (1986) menyatakan diantara ciri yang menyumbangkan kepada keberkesanan adalah kepemimpinan pentadbiran yang kukuh. Ahmad Atory (1991). Pula berpendapat kepimpinan melibatkan cara-cara seseorang pengurus itu bertindak dalam hubungan dengan kakitangannya.

Sehubungan dengan itu, Leadership Development Committee Of Kolej Tuanku Canselor (LEADECCK) dengan kerjasama Pengetua serta Felo-felo Kolej Tuanku Canselor telah mengambil inisiatif untuk menjalankan Kem Kepimpinan JKM KTC di mana program ini merupakan program kepimpinan yang bertujuan untuk memantapkan organisasi kepimpinan pelajar khususnya Jawatankuasa Kolej Mahasiswa (JKM) bagi Kolej Tuanku Canselor di samping memberi pendedahan kepada para peserta mengenai selok belok dunia kepimpinan secara umum dan prinsip asas sebagai seorang pemimpin khususnya.

Penyertaan untuk program ini dibuka khasnya kepada JKM KTC, Rakan Biro, Majlis Ketua Blok (MKB), Majlis Ketua Kelab (MKK), Hal Ehwal Wanita (HELWA KTC) dan kepada warga Kolej Tuanku Canselor yang berminat dalam dunia kepimpinan. Pelaksanaan kem ini menitikberatkan ketahanan dari aspek mental, fizikal, sahsiah dan juga kerohanian di samping menerapkan ciri-ciri seorang pemimpin yang ideal baik dari segi jasmani mahupun spiritual. Pengisian program ini dibuat dalam beberapa bentuk iaitu LDK dan Ceramah di samping aktiviti-aktiviti luaran berbentuk sukan dan riadah bagi membentuk seorang pemimpin yang mantap dalam pelbagai aspek demi pembangunan sendiri dan sahsiah di kalangan mahasiswa Kolej Tuanku Canselor khasnya dan Universiti Teknologi Malaysia umumnya.

## 2.0 Siapakah LEADECCK

**LEADECCK** atau **Leadership Development Committee Of Kolej Tuanku Canselor** adalah organisasi yang bergerak dibawah naungan tuan pengetua Kolej Tuanku Canselor (KTC), UTM,

Skudai, Johor. LEADECCK bukanlah sebuah pertubuhan bertaraf kelab atau persatuan pelajar di KTC tetapi penubuhannya adalah untuk membantu pengetua bagi memilih ahli dalam Jawatankuasa Kolej Mahasiswa Kolej Tuanku Canselor (JKM KTC).

### 3.0 Sejarah awal LEADECCK

Sejarah awal penubuhan **LEADECCK** adalah bertitik tolak selepas penubuhan Kolej Tuanku Canselor itu sendiri sekitar tahun 1996. Pada awalnya barisan kepimpinan JKM dipilih oleh Pengetua dan Felo kolej sendiri tetapi selepas penubuhan **LEADECCK**, tugas ini diambil alih oleh **LEADECCK** dengan nasihat dan kebenaran daripada pihak Pengetua dan Felo. Pada peringkat awal organisasi **LEADECCK**, dianggotai oleh JKM itu sendiri, tetapi selepas generasi kedua ia dianggotai oleh mantan JKM ataupun mantan pimpinan di peringkat kelab atau persatuan di KTC.

Secara tidak langsung ia menjadikan keahlian **LEADECCK** terhad kepada mereka yang aktif serta mempunyai nilai kepimpinan yang tinggi serta telah teruji sifat kepimpinan selepas menganggotai persatuan atau pun kelab di peringkat kolej mahu pun Universiti. Ada antara ahli **LEADECCK** ini pernah memegang jawatan sebagai Timbalan Presiden Majlis Perwakilan Mahasiswa UTM, Presiden Persatuan Mahasiswa Islam UTM atau pun Majlis Tertinggi JKM KTC itu sendiri.

Secara ringkasnya ahli **LEADECCK** dipilih berdasarkan pengalaman dan kemampuan yang telah teruji sepanjang memegang jawatan di peringkat persatuan pelajar. Warga KTC yang terpilih akan diberitahu melalui surat rasmi pada peringkat pertama di mana mereka telah menyertai sekurang-kurangnya dua kem kepimpinan KTC selain berpengalaman luas dalam aktiviti kepimpinan .

Pada peringkat kedua, mereka ini akan dipilih sebagai Pelatih **LEADECCK** seterusnya menjadi AJK Pelaksana Kem Pembentukan JKM KTC dan Kem Pemantapan JKM KTC. Ini adalah merupakan tapisan terakhir sama ada mereka layak untuk menganggotai **LEADECCK** atau pun tidak. Pemilihan ini dibuat berdasarkan kepada cara bekerja, penampilan diri, kemahiran berkomunikasi dan tindakan mereka sebagai seorang pemimpin. Kemudian **LEADECCK** senior akan membuat mesyuarat khas sesama mereka bagi menentukan siapakah yang layak untuk menganggotai **LEADECCK**, sebelum nama itu dicadangkan kepada tuan pengetua.

### 4.0 Polisi LEADECCK

1. Mengajukan Kem Pembentukan dan Pemantapan JKM dalam usaha membentuk dan memantapkan barisan pimpinan kolej.
2. Memantau JKM dari semasa ke semasa dengan memberikan bimbingan kepimpinan kepada ahli JKM.
3. Mengajukan aktiviti kepimpinan peringkat KTC.
4. Merupakan badan penasihat JKM dan kelab-kelab di KTC.
5. Membawa dan melaksanakan amanat Pengetua KTC dan pentadbiran kolej.

### 5.0 Organisasi LEADECCK 2005

PENGARAH	: MOHD KAMARULZAMIN B. SALLEH
TIMBALAN PENGARAH	: MUHD RIDWANTO B. SYAFUL ANWAR
SETIAUSAHA	: NAJWA SALWANA BT. SANUSI
BENDAHARI	: MOHD AZHAN B. SHARIF
UNIT MODUL& AKTIVITI	: MOHD HAFIZ B. ISHAK
AHLI	: FAZARINA BT ABU ZARIN
	MAHANORSASA BT MUNTAHAR
	HAZLINA BT LAZIM
	MIRZAN B MOHD ATAN
	AISYAH BT MOHD AMIN
	ZURIYANI BT SUBARKIR

### 6.0 Kem Pembentukan JKM KTC

Antara kem yang pernah **LEADECCK** laksanakan adalah:

1. Kem Pembentukan JKM, Air Keroh Melaka
2. Kem Pembentukan JKM, Teluk Kalong Terengganu

3. Kem Pembentukan JKM, ITM Machang , Kelantan
4. Kem Pembentukan JKM , Etnobotani Gua Musang, Kelantan
5. Kem Pembentukan JKM , Kem Tiram Indah Village, Ulu Tiram Johor
6. Kem Pembentukan JKM, Pangsun , Selangor
7. Kem Pembentukan JKM , Langkawi, Kedah
8. Kem Pembentukan JKM Cameron Highland, Pahang Oktober 2000

Pemilihan tempat Kem Pembentukan adalah bergantung kepada hasil tinjauan yang dibuat oleh ahli LEADECK sendiri. Harus diingat, tempat juga memainkan peranan dalam menyuburkan semangat peserta untuk menyertai kem pembentukan dalam memilih ahli JKM KTC bagi memegang jawatan dalam JKM KTC untuk tempoh setahun. Mengikut pengalaman yang lalu, tempat yang menarik seperti di Langkawi membuatkan warga kolej KTC teruja untuk menyertai kem-kem seperti ini. Secara tidak langsung penyertaan yang ramai dapat dikumpulkan dalam melatih barisan kepimpinan yang baru. Walaupun mereka tidak bertujuan untuk menjadi JKM semata-mata tetapi LEADERCK berperanan untuk menukar niat asal mereka dari bersiar kepada menanamkan niat untuk menjadi pemimpin di KTC. Ini bergantung kepada keberkesanan modul yang dibawa oleh LEADECK terutama bagi modul Turning Over. Hal ini akan dikupas kemudian.

### 6.1 Modul dalam Kem Kepimpinan

Diantaranya adalah:

#### **Modul Kem Pembentukan JKM Cameron Highland, Pahang Oktober 2000**

1. Modul Turning Over -
2. Modul Team Building
3. Modul Perbicaraan Isu Semasa ( Debat Parlimen)
4. Modul Creative Thinking ( Euphamol)
5. Modul Pengurusan Masa
6. Modul Mesyuarat
7. Modul Komunikasi
8. Modul TQM (Total Quality Management)
9. Modul Diskusi (Forum Kepimpinan )
10. Modul Ktc Master Plan (Perancangan Tahunan JKM KTC)
11. Modul Kembara
12. Modul Abselling & Repelling

#### 6.1.2 Contoh Pelaksanaan Modul:

##### KTC MASTER PLAN (KEM PEMBENTUKAN JKM KTC 2002, LANGKAWI)

Tarikh	: 21 Oktober 2002
Masa	: 2.00 petang
Matlamat	: Menghasilkan satu bentuk perancangan yang lebih teliti dan teratur untuk membentuk kembali kecemerlangan Kolej Tuanku Canselor dengan matlamat yang lebih jelas.
Objektif	: 1. Melatih peserta agar menetapkan semula matlamat utama JKM dan meletakkan sasaran serta perancangan yang bertetapan dengan matlamat. 2. Membentuk perancangan yang dibahagikan kepada dua fasa utama iaitu fasa pemulihan dan fasa pembangunan.
Tempoh	: 2 jam
Tempat	: Dewan Ceramah Beringin Beach Resort

##### Prosedur

- ✓ Dalam masa sepuluh minit, para peserta dikehendaki untuk ‘Brainstorm’ sebanyak mungkin matlamat JKM yang difikirkan bersesuaian.
- ✓ Seterusnya peserta dikehendaki menyimpulkan satu matlamat utama JKM yang hendak dicapai bersama.
- ✓ Peserta dibahagikan kepada dua kumpulan ( Dalam nisbah 2:1 ) dan seorang ketua bagi setiap kumpulan dilantik. Setiap kumpulan dibekalkan dengan kertas mahjong, pen marker dan transparensi.
- ✓ Kumpulan pertama dikehendaki ‘Brainstorm’ perancangan khusus untuk semester pertama yang merupakan fasa pemulihan yang menekankan proses pemulihan semula JKM.

- ✓ Kumpulan kedua dikehendaki 'Brainstorm' perancangan khusus untuk semester kedua yang merupakan fasa kedua yang akan merancang program utama kolej
- ✓ ( Termasuk program utama setiap biro ) yang tertumpu untuk menjaga kebajikan mahasiswa, menjalankan tanggungjawab JKM dan menaikkan nama Kolej Tuanku Canselor.
- ✓ Setiap kumpulan seterusnya akan membentangkan dan membahaskan idea-idea dan perancangan yang telah difikirkan.
- ✓ Fasilitator seterusnya akan memberi komen pro dan kontra bagi setiap perancangan.
- ✓ Akhirnya perancangan setiap kumpulan dikumpulkan dan akan ditaip untuk dijadikan rujukan.

#### Ulasan LDK(Latihan Dalam Kumpulan)

Alhamdulillah segalanya berjalan dengan lancar. Bermula dengan sedikit senaman ringan dan 'mini muhasabah'. Peserta menunjukkan kesungguhan dan minat walaupun agak kepenatan dan mengantuk. Pada mulanya perbincangan kumpulan kedua kurang efektif walaupun mereka lebih ramai kerana mereka terpaksa membuat perancangan semester kedua yang melibatkan perancangan JKM termasuk perancangan utama setiap biro. Untuk itu, ketua LDK terpaksa membahagikan kumpulan kedua kepada dua lagi kumpulan kecil. Satu kumpulan membincangkan perancangan khusus JKM dan satu kumpulan lagi membincangkan perancangan untuk setiap biro.

Secara keseluruhan, LDK ini berjaya mencapai objektif yang telah ditetapkan. Setiap dari perancangan telah dikumpulkan dan akan dicetak. Perancangan ini akan diserahkan kembali kepada JKM untuk dijadikan bahan rujukan.

### 6.1.3 Contoh Modul

(KEM PEMBENTUKAN JKM KTC 2002 , LANGKAWI )

<b>Aktiviti</b>	: <b>Diskusi Perdana</b>
Tarikh	: 19 Oktober 2002
Masa	: 10.30 malam
Matlamat	: Menyediakan satu medan perbincangan di antara generasi pemimpin terdahulu dengan bakal pemimpin JKM pada masa hadapan.
Objektif	: Mengumpulkan generasi pemimpin awal hingga generasi terkini untuk duduk bersama-sama berbincang mengenai sejarah JKM, kejayaan, permasalahan dan cara mengatasi serta meningkatkan kegemilangan kolej dari sudut sahsiah, aktiviti, kerohanian dan sebagainya.
Tempoh	: 1 jam 30 minit
Tempat	: Dewan Ceramah Beringin Beach Resort

#### Ulasan aktiviti

Pada keseluruhannya, diskusi ini telah mencapai matlamatnya kerana penglibatan pihak ahli panel dan peserta adalah secara dua hala. Perbincangan adalah berkisar kepada pengalaman setiap bekas pimpinan kolej di dalam mengharungi segala masalah, kejayaan dan cabaran dalam mengatasi masalah yang timbul. Dalam pada itu juga, perbincangan isu semasa sedikit sebanyak memberi pengetahuan tambahan kepada peserta sebagai bekalan selepas tamat daripada pengajian kelak.

Selepas berlangsung kira-kira 30 minit, sesi kedua pula dijalankan. Semasa sesi ini, perbincangan isu semasa melibatkan kemahasiswaan telah diadakan. Kemudian selepas 30 minit berikutnya, sesi ketiga pula bermula di mana terdapat lebih kurang 10 orang peserta telah mengajukan soalan kepada ahli panel. Seterusnya ahli panel menjawab semua soalan yang dikemukakan.

Alhamdulillah, perbincangan dan persoalan yang diajukan dapat dijawab dengan baik oleh setiap ahli panel yang terlibat. Ianya sedikit sebanyak membantu bakal pimpinan dalam membawa hala tuju JKM pada sesi yang akan datang.

#### Soalan Diskusi Perdana

##### Sesi Pertama

1. Menceritakan mengenai sejarah JKM, kejayaan, kegagalan serta bagaimana cara untuk mengatasi masalah yang berlaku pada generasi awal JKM KTC.
2. Selaku Pengarah JKM 1996/1997, sudah semestinya banyak pengalaman yang menarik berlaku. Bolehkah saudara menceritakan pengalaman tersebut.
3. Selaku bekas pimpinan kolej dan seterusnya berpindah ke peringkat kepimpinan universiti, mungkin terdapat perbezaan yang berlaku dan apakan pandangan berkenaan JKM KTC dari kaca mata Majlis Perwakilan Mahasiswa UTM.
4. Selaku Pengerusi JKM 2000, di mana kita mengetahui bahawa zaman tersebut merupakan zaman yang mengalami cabaran yang paling getir. Bolehkah saudara menceritakan pengalaman tersebut.

##### Sesi Kedua

1. Peluang mempelajari ilmu kepimpinan semasa peringkat universiti. Apakah faedah yang boleh diperolehi apabila kita memasuki alam pekerjaan kelak.
2. Bagaimana penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kepimpinan dan seterusnya bagaimana MPM memainkan peranan ke arah membantu JKM
3. Penglibatan di dalam aktiviti persatuan. Apakah kerana terlibat aktif dalam bidang kepimpinan akan menyebabkan keputusan akademik merosot.

Sessi Ketiga

Lebih kepada soal jawab di antara peserta dengan ahli panel yang berkisar kepada permasalahan kolej, JKM, aktiviti dan pandangan serta membincangkan isu yang dibangkitkan.

**6.2 Penilaian Fasilitator Terhadap Peserta**

Tidak dinafikan adalah terlalu sukar untuk membuat penilaian kepada peserta dalam tempoh berlangsungnya kem iaitu sekitar 5 hari. Namun kaedah ini diguna pakai dalam menguatkan hujah dan penilaian dalam memilih ahli JKM KTC. Secara tidak langsung **LEADECK** dapat mengenal pasti kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh peserta dalam kem agar **LEADECK** dapat membuat penilaian dengan adil. Justeru itu, setiap 2 orang **LEADECK** dan pembantu **LEADECK** akan memberi penilaian dalam LDK. Setiap LDK peserta akan dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan kecil yang terdiri daripada 5 atau pun 6 orang peserta bagi satu kumpulan.

Modul :

Tarikh :

Tempat

Nama Fasilitator :

Kumpulan :

Sila tandakan mengikut keutamaan matanilai.

(1) Sangat Lemah (2) Lemah (3) Biasa (4) Baik (5) Sangat Baik

BIL	NAMA PESERTA																					
		A	B	C	D	E	F	G	H	I	J	K	L	M	N	O	P	Q	R	S	T	
1																						
2																						
3																						
4																						
5																						
6																						

**KARETERIA PENILAIAN**

A - Bakat Kepimpinan

B - Berfikiran Strategik & Kreatif

C - Kerjasama Kumpulan

D - Kemahiran Membuat Keputusan

E - Bertanggungjawab dan amanah

F - Berfikiran optimis

G - Sahsiah diri

H - Kemahiran komunikasi

I - Ketrampilan diri

J - Motivasi diri

K - Displin diri

L - Dominasi

M – Keyakinan diri

N – Berfikiran cerdas/bijaksana

O – Kecergasan kekuatan fizikal

P – Komitmen

Q – Ketegasan

R – Proaktif & agresif

S- Interpersonal Skill

T- Ketabahan dan kesabaran

### 6.2.1 Penilaian Peserta

Peserta juga akan memilih dikalangan mereka siapakah yang layak mengangotai JKM KTC. Ini kerana penilaian peserta penting kerana mereka akan bekerjasama sesama sendiri maka peserta lebih mengenali diri rakan masing-masing. Ini adalah untuk memberi kebebasan dan hak yang sewajarnya kepada peserta dalam memilih JKM KTC. Peserta akan membuang undi dan memilih calon pilihan mereka. Namun keputusan akhir terletak kepada pengetua dan felo-felo dalam menentukan ahli JKM KTC

### 6.2.3 Penilaian Akhir

Pada kebiasaannya kem akan berlangsung sekitar 5 hari, ahli JKM KTC harus dipilih sekitar hari kem berdasarkan penilaian terhadap peserta. Peserta kem ini sebenarnya telah terdedah dengan dunia kepimpinan kerana mereka adalah pimpinan kelab-kelab, Rakan Biro JKM mahupun pimpinan persatuan universiti. Cuma, kehadiran mereka di kem ini adalah untuk melayakkan mereka menjadi pimpinan JKM KTC selepas melalui proses pemilihan yang telah **LEADECK** gariskan. Akhirnya pihak pengetua dan felo-felo akan mengesahkan calon-calon yang telah **LEADECK** cadangkan berdasarkan pemerhatian yang telah dilakukan oleh **LEADECK** dan peserta sendiri. Pihak pengetua dan felo-felo akan bermesyuarat sesama mereka dan memilih ahli JKM atas pro dan kontra yang terdapat pada setiap peserta.

### 6.3 Senarai Majlis Tertinggi Jawatankuasa Kolej Mahasiswa Kolej Tuanku Canselor sesi 2006

Bil.	Jawatan	Nama
1	Pengerusi	Syed Munir B Syed Musa
2	Timbalan Pengerusi I	Mursyid Bin Abd Ghani
3	Timbalan Pengerusi II	Muhammad Syazwanul Badri Bin Ruslan
4	Timbalan Pengerusi III	Nurul 'Uyun Bt Ahmad
5	Setiausaha Agung	Mohamad Taib Bin Miskon
6	Timbalan Setiausaha Agung	Rahimah Bt Jusoh @ Awang
7	Bendahari Agung	Nur Afzani Bt Tual
8	Ketua Biro Penyelidikan Dan Pembangunan	Siti Nur Fariza Bt Halida
9	Setiausaha Biro Penyelidikan Dan Pembangunan	Naizatul Shima Bt Fadzil
10	Ketua Biro Akademik	Jasrul Jamani B Jamian
11	Setiausaha Biro Akademik	Asmida Bt Darus
12	Ketua Biro Kerohanian	Mohd Muzaffar Bin Zahar
13	Setiausaha Biro Kerohanian	Nor Fatihah Bt Mohammed Yusoff
14	Ketua Biro Keusahawanan	Mohd Emran B Mat Hassan
15	Setiausaha Biro Keusahawanan	Norsyazwani Bt Azman
16	Ketua Biro Sukan	Mohd Yazid Bin Abd Razak

17	Setiausaha Biro Sukan	Junainah Bt Jahaya
18	Ketua Biro Kebudayaan	Noorharyanie Bt Mohd Aluei
19	Setiausaha Biro Kebudayaan	Syamimi Bt Hashim
20	Ketua Biro Dokumentasi Dan Informasi	Ahmad Sukri Bin Ahmad
21	Setiausaha Biro Dokumentasi Dan Informasi	Norizatul Azila Bt Latip
22	Ketua Biro Pembangunan Teknologi Maklumat	Fauzi Bin Mohd Darus
23	Setiausaha Biro Pembangunan Teknologi Maklumat	Hasnizom Bt Hassan

#### 6.4 Kem Pemantapan

Dalam kem pemantapan, kaedah dan perjalanan kem adalah sama dengan kem pembentukan cumanya dalam kem pematnapan tidak terdapat pemilihan ahli JKM KTC. Sekadar ahli JKM KTC yang telah dilantik pada kem pembentukan dikumpulkan kembali untuk mengemaskinikan gerak kerja yang telah mereka lakukan selama satu semester. **LEADECK** akan memberi panduan dan nasihat dalam melancarkan lagi gerak kerja JKM untuk menghadapi semester kedua JKM.

#### 7.0 Kesimpulan

Sememangnya **LEADECK** memainkan peranan penting dalam membantu pengetua dan felo-felo KTC bagi menyediakan barisan kepimpinan JKM KTC. Hal ini kerana, **LEADECK** itu sendiri lahir dari dunia kepimpinan KTC maka sumbangan **LEADECK** adalah untuk memastikan KTC tidak ketandusan pemimpin pelajar yang akan memimpin KTC.

Malah bertepatan dengan definisi kepimpinan iaitu kemampuan untuk mempengaruhi manusia ke arah mencapai suatu sasaran bersama. Malah, terdapat beberapa sifat pemimpin yang membezakan mereka daripada individu biasa. Antaranya ialah fizikal yang sihat dan bersemangat, personaliti yang meyakinkan, jujur dan amanah, keyakinan diri yang tinggi, kemampuan bersosial dan bekerjasama, berdiplomasi, bijak dan adil serta mahir dan mampu membuat keputusan dalam apa jua situasi. Semua kemahiran ini dapat dipupuk sekiranya kefahaman kepada kepimpinan itu wujud. Setiap manusia adalah unik dan mustahil bagi seseorang individu memiliki kesemua kemahiran kepimpinan seperti yang disebutkan sekaligus. Kemahiran adalah hasil pembelajaran dan pengalaman. Justeru itu, **LEADECK** menawarkan kemahiran-kemahiran tersebut di bawah satu pakej. Bagi aspek kepimpinan, kemahiran ditawarkan adalah pemikiran kreatif dan kritis, kemahiran membuat keputusan, kemahiran kepimpinan dan kemahiran pengucapan umum.

Bagi aspek pengurusan pula, kemahiran yang ditawarkan kepada peserta ialah pengurusan masa, perancangan strategik, kemahiran menyediakan kertas kerja serta penyediaan laporan dan sistem dokumentasi berkesan. Selain daripada itu, peserta juga berpeluang mengikuti aktiviti aktiviti luaran yang menjana ke arah kepimpinan yang tidak lesu dan sentiasa cergas bertenaga.

Begitulah gambaran serba ringkas yang dapat penulis kongsikan, bagaimana peranan **LEADECK** dalam membantu pihak kolej melahirkan barisan kepimpinan di KTC yang mampan serta Cemerlang, Gemilang dan Terbilang.

#### Rujukan

1. Ahmad Atory Hussain (1991). "Pengurusan Organisasi." Kuala Lumpur. Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
2. Fantini, M. O. (1986). "Regaining excellence in education." Columbus. Ohio. Merrill Publishing Company. Razali Mat Zin (1996). "Kepimpinan Dalam Pengurusan". Kuala Lumpur Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.